

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@th.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TH BAYAR ZAKAT SEBANYAK RM3.45 JUTA KEPADАЗAKAT PULAU PINANG

PULAU PINANG, 26 Ogos 2020 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyerahkan **Zakat TH** berjumlah **RM 3,447,686.44** bagi tahun kewangan berakhir **2019** kepada **Zakat Pulau Pinang** dalam satu majlis ringkas di Seri Mutiara, kediaman Rasmi Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah berkenan menerima bayaran **Zakat TH** daripada YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abd Rahman, Pengarah Eksekutif (Haji) **TH**. Bayaran zakat bagi negeri Pulau Pinang ini mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2018 (RM 3,446,420.49).

“Setiap tahun, **TH** melaksanakan bayaran zakat yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab **TH** sebagai sebuah organisasi Islam dengan sasaran untuk memperkasakan kewangan Islam dan pembangunan sosio-ekonomi ummah bagi manfaat golongan asnaf di negeri ini,” kata Dato' Sri Syed Saleh Syed Abd Rahman.

TH berharap pembayaran zakat ini dapat dimanfaatkan oleh Zakat Pulau Pinang ke arah kemampanan program-program zakat yang dirangka di negeri Pulau Pinang bagi kelestarian ekonomi golongan asnaf, tambahnya lagi.

Jumlah keseluruhan bayaran **Zakat TH** 2019 terus mencatatkan peningkatan di seluruh negeri sebanyak RM86,185,327.00 berbanding RM85,570,873.00 pada tahun 2018.

Pada tahun ini, **TH** memperkasakan lagi tanggungjawabnya dengan pelaksanaan Program Zakat yang disasarkan kepada golongan yang memerlukan melalui penganjuran program berbentuk pendidikan, kebaikan dan kemasyarakatan. Inisiatif ini juga diharap memberi impak positif berganda kepada golongan asnaf.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman, Pengurus Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang (ZPP); Tuan Haji Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP; Sahibus Samahah Dato' Dr Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Tuan Haji Mohamad bin Abas, Pengarah **TH** Negeri Pulau Pinang; ahli-ahli lembaga pengarah ZPP dan anggota-anggota **TH**.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
---	---